



## SIRI BICARA BUKU: MAQASID AL-SHARI'AH DALAM RANAH DEMOKRASI



**BICARA PUSTAKAWAN:**

**IMPAK KECERDASAN BUATAN TERHADAP PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**

**PENYERAHAN SUMBANGAN NASKHAH AL-QURAN TERJEMAHAN BAHASA CINA**

**PROGRAM DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN  
PERINGKAT PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN 2022**



**89 DAN 9  
PENGARANG**

**PENASIHAT**

Hafiz Abdul Rahim

**EDITOR**

Zairil Azwan Osman

**PEREKA GRAFIK**

Nor Suhaiza Zainol

**PENULIS &  
JURUFOTO**

Pustakawan  
Perpustakaan  
UNISEL

**PENGEDARAN**

Unit LSDM

## PEMBUKA BICARA

**A**ssalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran keenam pada tahun 2022 (November - Disember 2022), Perpustakaan UNISEL mengadakan program Siri Bicara Buku bertajuk Maqasid Al-Shari'ah Dalam Ranah Demokrasi bertempat di Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam dan turut bersiaran langsung secara maya di Facebook UNISEL LIBRARY.

Siri Bicara Buku ini adalah yang kelima yang

dianjurkan oleh Perpustakaan UNISEL. Di samping itu, Perpustakaan UNISEL juga terlibat dalam Program Dekad Membaca Kebangsaan peringkat Pertubuhan Bukan Kerajaan 2022 dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Majlis Buku Kanak-Kanak Malaysia (MBBY) dan Yayasan Zur-iatCARE.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL telah mengadakan Pameran Perpustakaan sempena Istiadat Konvokesyen ke-16 Universiti Selangor. Sambutan yang

diberikan oleh para pengunjung amat menggalakkan iaitu dengan melihat bahan-bahan pameran dan bergambar di *photo booth* yang disediakan oleh Perpustakaan UNISEL.

Akhir sekali, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan selamat menyambut Hari Natal dan tahun baru, semoga tahun ini menjadi tahun yang terbaik buat kita semua.

Salam hormat,

**ZAIRIL AZWAN OSMAN**

Editor

[zairil@unisel.edu.my](mailto:zairil@unisel.edu.my)

## ISI KANDUNGAN

- 1 Penyerahan Sumbangan Naskah A-Quran Terjemahan Bahasa Cina
- 2 SIRI BICARA BUKU:  
Maqasid Al-Shari'ah Dalam Ranah Demokrasi
- 3 Program Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat Pertubuhan Kerajaan 2022
- 4 BICARA PUSTAKAWAN:  
Impak Kecerdasan Buatan Terhadap Perkhidmatan Perpustakaan
- 6 Program Literasi Maklumat
- 10 Lensa Pameran Sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor Kali Ke-16
- 11 Aktiviti Perpustakaan UNISEL
- 13 Album Pelawat & Lawatan
- 14 Ulasan Buku

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL  
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam  
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-55223596  
Emel: [zairil@unisel.edu.my](mailto:zairil@unisel.edu.my)

# PENYERAHAN SUMBANGAN NASKHAH AL-QURAN TERJEMAHAN BAHASA CINA

**BESTARI JAYA**, 7 November: Perpustakaan UNISEL hari ini menerima tiga naskhah al-Quran terjemahan Bahasa Cina yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri), Prof. Dr. Md. Sidin bin Ahmad Ishak kepada Ketua Perpustakaan, En. Hafiz bin Abdul Rahim.

Naskhah tersebut adalah sumbangan daripada Dr. Jamilah Mustafa, isteri kepada mantan Presiden MACMA Selangor, En. Hassan Low yang telah pulang ke rahmatullah pada 24 Oktober 2022. MACMA ialah Malaysian Chinese Muslim Association dan En. Hasan Low merupakan Presiden Cawangan Selangor yang aktif dalam aktiviti dakwah.

Naskhah al-Quran terjemahan Bahasa Cina itu adalah terbitan Yayasan Restu dengan kerjasama MACMA untuk dijadikan panduan dan bacaan masyarakat berbahasa Cina. Cetakannya dilakukan oleh Nasyrul Quran, Yayasan Restu iaitu pusat percetakan al-Quran yang kedua terbesar di dunia.



# SIRI BICARA BUKU: MAQASID AL-SHARI'AH DALAM RANAH DEMOKRASI

**SHAH ALAM, 10 November:** Perpustakaan UNISEL mengadakan program Siri Bicara Buku bertajuk Maqasid Al-Shari'ah Dalam Ranah Demokrasi bertempat di Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam dan turut bersiaran langsung secara maya di facebook UNISEL LIBRARY. Program ini dirasmikan oleh Prof. Dr. Md. Sidin bin Ahmad Ishak, Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri).

Program Siri Bicara Buku ini dianjurkan oleh Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama Jabatan Kecemerlangan Penyelidikan UNISEL (JKPU). Pembicara pada kali ini ialah Ustaz Hasri bin Harun, Pengarah Jabatan Kecemerlangan Penyelidikan UNISEL (JKPU). Moderator yang mengendalikan bicara buku ini ialah Prof. Madya Ts Dr. Moohamad Ropaning bin Sulong, Pengarah Pusat Penyelidikan & Jaringan Industri UNISEL.

merupakan penganjuran kali kelima. Program ini merupakan platform bagi penulis dan pensyarah unisel mempromosikan selain mengulas idea-idea yang telah diketengahkan dalam penulisan mereka yang mana penerbitan buku-buku ini telah diterbitkan oleh UNISEL Press.



**unisel library**  
UNIVERSITI SELANGOR

## SIRI BICARA BUKU

*Maqasid al-Shari'ah dalam Ranah Demokrasi*

Maqasid al-Shari'ah dalam Ranah Demokrasi  
Siddiq Fadzil

Imbas Kehadiran

Dirasmikan Oleh:  
**PROF. DR. MD. SIDIN BIN AHMAD ISHAK**  
Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor  
Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri  
Universiti Selangor

Moderator:  
**PROF. MADYA TS. DR. MOOHAMAD ROPANING BIN SULONG**  
Pengarah  
Pusat Penyelidikan dan Jaringan Industri (CRIL)  
Universiti Selangor

Pembicara:  
**USTAZ HASRI BIN HARUN**  
Pengarah  
Jabatan Kecemerlangan Penyelidikan UNISEL (JKPU)  
Universiti Selangor

10 November 2022 (KHAMIS)  
2.00 petang - 4.00 petang

Tingkat 2, Perpustakaan UNISEL  
Kampus Shah Alam, Universiti Selangor

SERTAI KAMI DI FACEBOOK  
UNISEL LIBRARY

FINJURPN  
unisel library | UNISEL Press

Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama  
Jabatan Kecemerlangan Penyelidikan UNISEL



Buku ini merupakan buku yang terakhir ditulis oleh Almarhum Prof. Dato' Dr. Siddiq Fadzil dan merupakan juga buku kompilasi artikel-artikel yang pernah ditulis oleh beliau berkaitan pandangan tentang sistem demokrasi di Malaysia dan bagaimana aplikasi ilmu maqasid al-shari'ah untuk mengukuhkan sistem kepimpinan demokratik. Buku ini diterbitkan oleh UNISEL Press terbitan tahun 2022 yang mempunyai 215 muka surat serta mengandungi 14 bab.

Siri Bicara Buku ini telah bermula pada 2021 dan ini



# PROGRAM DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN PERINGKAT PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN 2022

Universiti Selangor (UNISEL) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Majlis Buku Kanak-Kanak Malaysia (MBBY) dan Yayasan ZuriatCARE mengadakan Program Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat Pertubuhan Bukan Kerajaan 2022.

Program yang berlangsung di LT2 UNISEL Kampus Shah Alam itu disertai oleh lebih 150 peserta terdiri daripada kakitangan UNISEL, pelajar Kolej Uni-



versiti MAIWP dan wakil-wakil badan bukan kerajaan.

Program dimulai dengan forum bertajuk “Bahan Bacaan dan Sokongan untuk Kanak-Kanak Istimewa” yang disampaikan oleh panel-panel iaitu Dato’ Ahmad Redza Ahmad Khairuddin, Presiden MBBY, Ts. Dr. Latifah Abd Latif, Timbalan Dekan Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran



(FCVAC) serta Nor Aziyana Abd Rahman, Pensyarah FCVAC bersama moderator Norazly Nordin, Pensyarah Universiti Antarabangsa Al-Bukhary.

Forum kedua iaitu “Kesihatan Mental: Antara Persepsi dengan Realiti” pula disampaikan oleh Dr Syuhaida Abdul Razak, Pakar Psikiatri Hospital Shah Alam, Wany Ardy, Penulis dan Aktivist yang juga merupakan Pengasas MRKH Malaysia serta Mosyuki Borhan, Pengarah Urusan Rumah Ripta bersama moderator Alia Ali, Pengerusi Yayasan ZuriatCARE.

Majlis diteruskan dengan Perasmian Penutupan Dekad

Membaca Kebangsaan Peringkat Pertubuhan Bukan Kerajaan yang disempurnakan oleh Prof. Dr. Md Sidin Ahmad Ishak, Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor UNISEL.

Turut hadir, Puan Rodziah Md Yunus, Ketua Bahagian Pengembangan Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja, Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera DBP, Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan UNISEL dan barisan pengurusan UNISEL.



# IMPAK KECERDASAN BUATAN TERHADAP PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

**K**ecerdasan Buatan (Artificial Intelligence (AI)) telah lama diaplikasikan di tempat kerja dan di dalam rumah kita. Robot kolaboratif digunakan untuk berinteraksi dengan manusia di industri kilang, penghantaran bahagian atau melakukan tugas yang berulang atau kerja-kerja yang berbahaya. Di rumah kita, peranti AI boleh ditemui dalam bentuk pembersih vakum robot, peranti yang memantau tahap suhu di dalam rumah dan sistem keselamatan rumah itu sendiri.

Sama seperti bidang lain, AI juga telah diaplikasikan perpustakaan dalam bentuk chatbots yang boleh mengendalikan soalan di dalam web perpustakaan, memberi amaran apabila denda lewat pulang buku perlu dibayar, membantu pengguna mendapatkan sumber maklumat dari perpustakaan yang berkaitan atau menjawab permintaan maklumat yang mudah. Pada masa hadapan, AI akan mempengaruhi

cara maklumat boleh diperolehi dan ditemui dengan cara yang lebih menarik dan cepat. Pustakawan


yang dapat memberi pengguna idea dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Dengan memerhati cara



mempunyai pandangan tentang cara pelanggan mereka mencari dan menggunakan maklumat dan oleh itu ia boleh menyokong dan membantu proses pencarian maklumat secara aktif. Ini bermakna membawa pencarian data atau maklumat yang diperlukan akan menjadi lebih jitu dari segi ketepatan maklumat dan maklumat-maklumat yang berkaitan

maklumat mengalir dalam sebuah organisasi, pustakawan boleh mengenal pasti titik di mana maklumat boleh diubah atau digunakan dengan cara baharu sepenuhnya.

Mesin berkomputer serta teknologi pengecaman bunyi dan telah digunakan untuk menganalisis koleksi digital dan mengenal pasti



kan AI dan seterusnya menjadikan pencarian menjadi lebih fokus untuk membolehkan pengguna mendapat maklumat yang tepat dan terbaik.

Pada masa hadapan AI akan membolehkan kemampuan baharu untuk menangani keperluan maklumat pengguna perpustakaan. Perpustakaan boleh

topik dan entiti, menetapkan metadata dan memulakan carian dan penemuan bukan teks. Pada masa kini, pustakawan sedang bekerja dengan teknologi pembelajaran mesin bagi meningkatkan kualiti piawai klasifikasi bagi meningkatkan ketepatan carian dan dapatan semula data atau maklumat. Alat visualisasi data seperti Springer Nature SciGraph Explorer boleh digunakan pengguna dalam membantu untuk mengenal pasti maklumat yang berkaitan antara konsep, penyelidik dan institusi. Walaupun pada masa lalu pakar pengurusan maklumat

menggunakan alatan AI untuk menyediakan bukan sahaja maklumat tetapi boleh menawarkan perspektif yang luas yang berkaitan dengan topik yang dikaji atau dirujuk. AI memberi kesan kepada cara maklumat diproses dan dicari dan pakar pengurusan maklumat akan dapat menggunakan teknologi baharu yang menarik ini untuk meningkatkan perkhidmatan mereka dan membantu pengguna mencari dan mengakses maklumat khusus dengan lebih mudah dan cepat.

telah terlibat dalam membina enjin carian dan hari ini pustakawan dan pakar pengurusan maklumat lain boleh mengambil bahagian secara aktif dalam mereka bentuk alat penemuan pengetahuan baharu berasas-



ARTIFICIAL  
INTELLIGENCE

## PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR

**Webinar: Special Issue in Emerald**

Register here  
<https://bit.ly/EmeraldUnisel22>

QR Code

Limited to 100pax via Zoom


William Loh  
Customer Success Partner  
Emerald Publishing

- Exploring Special Issues in Emerald journals
- New Special Issue Proposal Form


22 Nov 2022 Tuesday 2:30 PM - 3:30 PM

eJournals - eBooks - eCases  
e-Certificate of Attendance will be provided  
Please contact [library@unisel.edu.my](mailto:library@unisel.edu.my) for further enquiries

Solely organized by  
**unisel library**  
emerald PUBLISHING



21 November 2022 | Program Pendidikan pengguna Webinar Emerald, “UNISEL: Special Issue in Emerald” part 3 telah dihadiri seramai 38 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pustakawan Universiti Selangor. Program ini dikendalikan oleh Perpustakaan Universiti Selangor dengan kerjasama wakil emerald iaitu Encik William Loh selama satu (1) jam secara atas talian.



22 November 2022 | Program Pendidikan Pengguna Webinar Gale Academic Onefile part 3 telah dihadiri seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pustakawan Universiti Selangor. Program ini dikendalikan oleh Perpustakaan Universiti Selangor dengan kerjasama wakil Information Laboratory Sdn. Bhd iaitu Encik Vincent Cheah selama satu (1) jam secara atas talian melalui platform zoom.

## PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



25 November 2022 | Taklimat Perpustakaan kepada pelajar baharu bagi Program Minggu Tekad Siswa Budiman Semester November 2022 di Dewan Canselor Kampus Bestari Jaya.




13 Disember 2022 | Program Literasi Maklumat, Online Databases & Free Access Collection for Literature dan Citation Help: APA Citation Style (7th ed.) yang disertai oleh 29 orang pelajar program ijazah dari Jabatan Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Fakulti Perniagaan & Perakaunan dan pensyarah Puan Erni Tanius.

## PROGRAM LITERASI MAKLUMAT




**14 Disember 2022** | Program Literasi Maklumat, Online Databases & Free Access Collection for Literature dan Citation Help: APA Citation Style (7th ed.) yang disertai oleh 30 orang pelajar program ijazah dari Jabatan Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Fakulti Perniagaan & Perakaunan dan pensyarah Puan Erni Tanius.



**19 Disember 2022** | Program Literasi Maklumat, Online Databases & Free Access Collection for Literature yang dilakukan secara walk in bersama 2 orang pelajar program ijazah dari Jabatan Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Fakulti Perniagaan & Perakaunan.

## PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



29 Disember 2022 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.) yang disertai 80 orang pelajar kursus IAD3162 Final Year Project 1 (Diploma) & IAS3232 Final Year Project 1 (Ijazah Sarjana Muda), Fakulti Komunikasi, Seni Visual & Pengkomputeran dan pensyarah Encik Zahrul Azwan bin Absl Kamarul Adzhar melalui aplikasi MS Teams.

# LENSA PAMERAN SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI SELANGOR KALI KE-16



## AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



29 November – 4 Disember 2022 | Sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor ke 16, satu pameran dan jualan buku UNISEL Press akan diadakan di Perpustakaan Universiti Selangor, Kampus Bestari Jaya.

## AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



**16 Disember 2022** | Ketua Perpustakaan, Encik Hafiz bin Abdul Rahim telah membuat pembentangan di Bengkel Pembentangan Pencapaian Tahun 2022 dan Pelan Perancangan Strategik Universiti 2023-2027 yang melibatkan semua ahli Pengurusan UNISEL bermula 16 hingga 18 Disember 2022 di Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh Melaka

## ALBUM PELAWAT & LAWATAN




5 November 2022 | Lensa sekitar lawatan pelajar sekolah dan ibu bapa ke Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya dan Kampus Shah Alam sempena Hari Terbuka UNISEL.



27 Disember 2022 | Sesi temuramah dan lawatan daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kep.) (Pendidikan Awal Kanak-kanak) yang, mengambil elektif Pengurusan Pusat Sumber, tentang skop tugas & tanggungjawab unit-unit di Perpustakaan UNISEL.

# ULASAN BUKU




Judul: | Cinta Serata Alam  
 Penulis: | Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Fazilah Idris & Mohamad Sabri Haron  
 ISBN: | 9789674124342  
 No. Panggilan: | BF575.L8 C57 2017  
 Lokasi: | Tingkat 1, Kampus Shah Alam  
 Tahun Terbitan: | 2017  
 Edisi: | -



Cinta Serata Alam ini mengabungkan konsep kecintaan dalam pelbagai dimensi kehidupan yang berteraskan kecintaan kepada Yang Maha Esa. Manusia sebagai model dalam memperkatakan tentang cinta yang meliputi segenap aspek kehidupan seperti cinta keluarga, diri sendiri, ilmu, kerjaya dan banyak lagi. Terbahagi kepada dua bahagian yang membincangkan berkaitan cinta ketuhanan dan tingkahlaku cinta dalam kehidupan harian.

(Ulasan dari buku "Cinta Serata Alam-2017")

Judul: | Multimedia Foundations: Core Concepts for Digital Design  
 Penulis: | Vic Costello  
 ISBN: | 9780415740036  
 No. Panggilan: | QA76 575 C67 2017  
 Lokasi: | 1st Floor, Bestari Jaya Campus  
 Tahun Terbitan: | 2017  
 Edisi: | 2nd edition



Understand the core concepts and skills of multimedia production and digital storytelling using text, graphics, photographs, sound, motion, and video. Then, put it all together using the skills that you have developed for effective project planning, collaboration, design, and production. Presented in full color with hundreds of vibrant illustrations, Multimedia Foundations, Second Edition trains you in the principles and skill sets common to all forms of digital media production, enabling you to create successful, engaging content, no matter what tools you are using. The second edition has been fully updated and features a new chapter on video production and new sections on user-centered design, digital cinema standards (2K, 4K, and 8K video), and DSLR and video camcorder recording formats and device settings. The companion website, which features a wealth of web resources, glossary terms, and video tutorials, has also been updated with new content for both students and instructors.

(Sources from website "<https://www.routledge.com/Multimedia-Foundations-Core-Concepts-for-Digital-Design/Costello/p/book/9780415740036>")



Judul: | Current Developments in Biotechnology and Bioengineering: Food and Beverages Industry Correlations  
 Penulis: | Ashok Pandey, Guocheng Du, Maria Sanromán, Carlos Soccol, Claude-Gilles Dussap  
 ISBN: | 9780444636669  
 No. Panggilan: | TP248.65.F66 C89 2017  
 Lokasi: | 2nd Floor, Bestari Jaya Campus Tahun  
 Terbitan: | 2017  
 Edisi: | -



Current Developments in Biotechnology and Bioengineering: Food and Beverages Industry provides extensive coverage of new developments, state-of-the-art technologies, and potential future trends compiled from the latest ideas across the entire arena of biotechnology and bioengineering. This volume reviews current developments in the application of food biotechnology and engineering for food and beverage production. As there have been significant advances in the areas of food fermentation, processing, and beverage production, this title highlights the advances in specific transformation processes, including those used for alcoholic beverage and fermented food production. Taking a food process and engineering point-of-view, the book also aims to select important bioengineering principles, highlighting how they can be quantitatively applied in the food and beverages industry.

(Sources from website "<https://www.elsevier.com/books/current-developments-in-biotechnology-and-bioengineering/pandey/978-0-444-63666-9>")

# SELAMAT MENYAMBUT HARI NATAL



25 DISEMBER 2022



<http://library.unisel.edu.my>

unisel library



FOLLOW US: UNISEL LIBRARY

## CONNECT WITH US



Like.Follow.Share unisel library



<http://library.unisel.edu.my>



[sirkulasi@unisel.edu.my](mailto:sirkulasi@unisel.edu.my)



Chat with a Librarian

03-32805081/5080

(BJ Campus)

03-55223565

(Customer Service, Shah Alam Campus)

03-55223596

(Reference Service, Shah Alam Campus)

unisel library

- If you have a question or
- Need help with your research or assignment or
- Want to keep up to date with latest news & updates ...